

Pengguna dalam talian PSAS meningkat

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatatkan peningkatan pengguna atas talian bagi meneruskan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ketua Pustakawan PSAS, Muzaffar Shah Kassim berkata, sepanjang tempoh itu perpustakaan UPM memastikan semua perkhidmatan dalam talian berfungsi dengan baik dan dapat diakses semua warganya tanpa gangguan.

"Terdapat peningkatan sebanyak 11.21 peratus jumlah pengunjung maya dan akses kepada beberapa portal maklumat yang dibangunkan PSAS.

"Contohnya seramai 104,252 pengunjung pada Mac lalu berbanding

93,743 pada bulan sebelumnya.

"Jumlah 'hits' meningkat 50.93 peratus iaitu daripada 1,161,897 pada Februari lalu kepada 1,753,617 'hits' pada Mac lalu," katanya.

Muzaffar berkata, walaupun semua perkhidmatan perpustakaan secara fizikal ditutup ketika PKP, namun penuntut dan pensyarah masih boleh mengakses

pelbagai maklumat ilmiah yang dilanggan universiti itu secara atas talian.

"Jumlah pengunjung maya yang mengakses Portal EZAccess untuk mendapatkan artikel, jurnal dan kandungan bahan yang dilanggan UPM turut menunjukkan peningkatan 22.05 peratus pada Mac lalu iaitu pertambahan 26,039 pengunjung berbanding 21,335 pada Februari lalu.

"Malah, jumlah 'hits' juga menunjukkan peningkatan yang sangat ketara 63.83 peratus pada Mac lalu (1,499,820 'hits') berbanding Februari lalu (915,461 'hits'), katanya.

Beliau berkata, PSAS membangunkan portal pencarian maklumat yang dinamakan Discovery@Lib bagi memudahkan penuntut dan pensyarah mencari maklumat serta

bahan perpustakaan dalam pelbagai bidang.

"PSAS juga mempunyai pelbagai sumber maklumat elektronik yang boleh diakses melalui laman web PSAS seperti pangkalan data, portal UPMIR, portal UPM eTesis, portal sumber maklumat pertanian (AGRIS dan MyAGRIC) dan jurnal akses terbuka.

"Pautan maklumat dan pameran maya berkenaan pandemik Covid-19 juga boleh diperoleh dalam laman web ini," katanya.

Menurut Muzaffar, program Literasi Maklumat yang sering diadakan pustakawan PSAS antara faktor utama yang membantu penuntut dan pensyarah UPM celik maklumat serta mempunyai kemahiran mengakses pelbagai sumber maklumat ilmiah secara atas talian.

"Dalam keadaan sekarang, penuntut dan pensyarah juga masih boleh mendapatkan bantuan pustakawan melalui

Perkhidmatan Rujukan secara Live Chat menerusi Aplikasi Telefon Pintar iaitu PSAS UPM Mobile Application, WhatsApp dan panggilan telefon yang beroperasi pada setiap hari bekerja mulai jam 9 pagi hingga 6 petang," katanya.

Katanya, melalui aplikasi ini, pelajar dan pensyarah boleh berinteraksi secara langsung dengan pustakawan mengenai sebarang masalah berkaitan pencarian maklumat.

"Sepanjang tempoh PKP dan PKPB ini, pengguna perpustakaan juga tidak perlu risau mengenai denda lewat memulangkan buku perpustakaan.

"Pengguna hanya perlu memulangkannya apabila perpustakaan dibuka kembali.

"Apa yang penting, semua pengguna disarankan untuk kekal berada di rumah. Duduk di rumah dan mengakses maklumat secara maya," katanya.

